

Berlaku Adil

Daripada Nu'man bin Basyir R.Anhuma berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اعْدِلُوا بَيْنَ أَوْلَادِكُمْ، اِعْدِلُوا بَيْنَ أَوْلَادِكُمْ، اِعْدِلُوا بَيْنَ أَوْلَادِكُمْ

Maksudnya: “Hendaklah kamu berlaku adil antara anak-anakmu, hendaklah kamu berlaku adil antara anak-anakmu, hendaklah kamu berlaku adil antara anak-anakmu.”

Riwayat al-Bukhari dalam *Tarikh al-Kabir* (2/173), Abu Daud (2/110), al-Nasaie (2/132-133), Ahmad (4/275, 288 dan 375)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Tidak syak lagi, dasar syariat Islam yang umum serta kaedahnya yang pelbagai serta menyeluruh, memenuhi kehendak zaman yang sentiasa berkembang dan maju. Lebih-lebih lagi dasar serta kaedah yang mempunyai kaitan dengan hukum muamalah, perlembagaan, peraturan, ekonomi dan perhubungan antarabangsa.
2. Objektif syariat yang utama ialah merealisasikan prinsip keadilan. Oleh itu, pengurusannya hendaklah dilakukan melalui apa jua cara serta bentuk yang difikirkan sesuai oleh badan kehakiman dan dalam apa jua sistem atau batasan yang dicadangkan, selagi mana para hakim dapat merealisasikan kaedah keadilan serta menjelmakan kemaslahatan secara adil kepada masyarakat.
3. Berlaku adil bukan hanya terbatas kepada sesama manusia tetapi merentasi juga terhadap binatang dan alam sekitar. Ini sudah tentu menjadikan ajaran

Islam yang bersifat *alamiyah* dan risalah Ilahi boleh membawa bimbingan dan petunjuk dalam menyelesaikan persoalan manusia ketika mengharungi kehidupan di setiap zaman dan tempat. Keadilan merupakan sistem yang mengarah manusia menuju kesempurnaan kemanusiaannya sehingga terlaksana kesempurnaan ubudiyahnya kepada Allah SWT yang menjadi tujuan manusia itu diciptakan.

4. Apabila keadilan mula goyah dan carik dari sistem kehidupan sudah pasti menatijahkan kezaliman yang akan merosakkan norma-norma kehidupan yang mulia dan nilai-nilai yang terpuji. Selain daripada itu, suasana masyarakat akan bercambah dan bertapak dalam sanubarinya sifat-sifat mazmumah seperti berdendam, marah yang keterlaluan, hasad dengki, tamak haloba dan lain-lain lagi. Justeru, berlaku adil merupakan jalan penyelesaian yang terbaik sehingga banyak ayat-ayat Allah SWT mengarahkan kepada Nabi-Nya dan juga umat Islam supaya sentiasa berlaku adil kerana ia lebih dekat kepada ketakwaan.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Anak lebih berharga daripada kekayaan, akhlak lebih agung daripada kedudukan, semangat lebih tinggi daripada pengalaman, sedangkan takwa lebih mulia daripada kemuliaan.
- ❖ **Pujangga berkata:** Setiap orang adalah pemimpin di dalam rumahnya yang tidak dapat dianggap remeh oleh seorang pun, tidak boleh dihalangi oleh sesiapa pun, tidak boleh ditekan oleh seorang diktator mana pun dan tidak pula boleh ditolak oleh orang yang kedekut.

Kisah Teladan

Thawus bin Kisan adalah salah seorang murid pilihan dan murid ternama dari Abdullah bin Abbas R.Anhuma dan salah seorang perawi Imam al-Bukhari dan Imam Muslim berkata: Aku memasuki Masjidil Haram untuk melakukan umrah. Setelah aku melaksanakan umrah dan sembahyang sunat dua rakaat di Maqam Ibrahim AS di Masjidil Haram, lalu aku duduk berdekatan maqam itu, menunggu dan melihat gerombolan manusia yang sedang melakukan tawaf, tiba-tiba rejaman

tombak, panah dan libasan pedang serta persenjataan yang lain berhamburan di sekitar Masjidil Haram, maka aku pun menoleh, tiba-tiba aku melihat Hajjaj bin Yusuf dan para pengawalnya serta para tenteranya yang bertebaran di dalam Masjidil Haram. Sementara itu ada seorang Arab Badwi yang sedang melaksanakan tawaf di Baitul al-Haram dan Hajjaj sedang duduk di sekitarnya, tiba-tiba satu tusukan melekat pada baju orang Arab Badwi itu padahal dia masih melakukan tawaf, lalu dia pun terjatuh di hadapan Hajjaj, lalu Hajjaj memegangnya dan bertanya kepadanya: “Daripada mana asal kamu?” Orang Arab Badwi itu menjawab: “Daripada negeri Yaman.”

Hajjaj bertanya lagi: “Bagaimana kamu meninggalkan saudaraku?” Orang Arab Badwi itu menjawab: “Siapakah saudaramu itu?” Hajjaj menjawab: “Saudaraku itu ialah Muhammad bin Yusuf, dia ini seperti Hajjaj juga, menganiayai dan menzalimi manusia, dan dia dilantik oleh Hajjaj sebagai gabenor di Yaman.” Orang Arab itu menjawab: “Aku meninggalkannya dalam keadaan sihat wala’ fiat dan segar bugar.”

Hajjaj menyangkal: “Aku tidak bertanya tentang kesihatannya kepadamu, tetapi aku bertanya tentang keadilannya.” Orang Arab Badwi itu menjawab: “Aku meninggalkannya dengan perbuatannya yang sangat zalim dan menganiayai dengan sewenang-wenangnya.”

Dengan penuh gusar Hajjaj bertanya lagi: “Tidakkah kamu mengetahui bahawa dia itu adalah saudaraku?” Orang Arab Badwi itu berkata dengan lantang kepada Hajjaj: “Wahai Hajjaj, apakah kamu mengira bahawa dia lebih mulia dan bangga dengan kamu daripada kemuliaan dan kebanggaanku kepada Allah SWT?”

Thawus berkata: “Demi Allah, seluruh rambut yang tumbuh di sekujur tubuhku terasa berdiri meremang akibat percakapan orang Arab Badwi ini.” Lalu dia berkata: “Maka Hajjaj pun membiarkannya dan meninggalkannya begitu sahaja. Mengapa? Kerana lelaki ini sudah pasrah dan tawakal (berserah diri) kepada Allah SWT.”